

# Manfaatkan platform media sosial

USAHAWAN industri kecil dan sederhana (IKS) perlu mengambil peluang untuk memperkenalkan produk mereka selepas mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan pada musim perayaan.

**Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman** berkata, menjelang musim perayaan, keinginan pengguna terhadap



**AZMAWANI**

sesuatu produk itu amat tinggi.

Jelasnya, waktu itulah usahawan IKS boleh memperluaskan pasaran produk mereka kepada pelanggan-pelanggan baharu.

“Oleh itu, aspek kualiti produk harus ditekankan oleh setiap

usahawan. Kualiti yang baik akan membolehkan sesuatu produk itu mendapat pengulangan permintaan daripada pelanggan.

“Sebagai contoh, pengusaha IKS yang menghasilkan kuih-kuih tradisional perlu menekankan aspek prosedur operasi standard (SOP) bagi mencapai kualiti yang sama bagi setiap produk yang dihasilkan,” katanya.

Tambahnya, setiap pekerja harus diberi latihan berkaitan SOP kerana ia sedikit sebanyak dapat meminimumkan berlakunya kerosakan kepada sesuatu produk yang akhirnya boleh menyebabkan kerugian.

Dalam pada itu, Azmawani

menjelaskan, pengusaha-pengusaha IKS juga harus memikirkan cara untuk mempromosikan produk-produk mereka di laman sosial.

“Kini, laman sosial menjadi satu platform pemasaran yang berkesan untuk mencari pelanggan.

“Mereka perlu mencari idea bagaimana mahu mempromosikan produk mereka di laman sosial.

“Ini kerana masyarakat masa kini lebih cenderung untuk mendapatkan produk-produk yang menjadi tular,” katanya.